

**Edition: 15/2025**



# APB REMBAU E-BULLETIN



## EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Prof. Madya Dr Norwati Hj  
Roslim

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke,  
Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Khairon Nisa Shafeei  
Shahrul Muhamad Shahrudin  
Nadia Yahyauddin

# *Fun With Language*

---

## *ADPB e-bulletin 15<sup>th</sup> Edition*

### **1. Aunty's English Lesson**

By: Prof. Madya Dr. Soo Kum Yoke

### **2. Perubahan Maksud Kosa Kata Berdasarkan Konteks Ayat (Siri 2)**

Ditulis Oleh Dr. Siang Lay Choo

### **3. Huruf Arab Ada Bunyi Unik? Jom Cuba Sebut Dengan Betul!**

Ditulis oleh: Nur Aini Ariffin

## **PERUBAHAN MAKSUD KOSA KATA BERDASARKAN KONTEKS AYAT (SIRI 2)**

Ditulis oleh Dr. Siang Lay Choo

Dalam artikel ini, mari kita belajar 3 kosa kata yang boleh membawa maksud yang berbeza jika kosa-kata tersebut digunakan dalam konteks ayat yang berlainan iaitu 叫(jiào) , 开(kāi) dan 花(huā).

A) Kosa kata 叫(jiào). Kosa kata ini mempunyai 3 maksud yang berbeza seperti ditunjukkan dalam ayat-ayat di bawah:-

i) 那只猫一直叫个不停, 可能是肚子饿了.

(Nà zhī māo yìzhí jiào ge bù tíng, kěnéng shì dùzi è le). Ayat ini bermakna ‘kucing itu mengiau tidak berhenti, ia berkemungkinan sudah lapar’. Kosa kata ‘叫’ di sini bermaksud ‘mengiau’.

ii) Linda的新同事叫Mastura.

(Linda de xīn tóngshì jiào Mastura.)

Ayat ini bermakna ‘rakan sejawat baru Linda dipanggil dengan Mastura’. Kosa kata ‘叫’ di sini bermaksud ‘dipanggil dengan’.

iii) 妈妈叫我洗地板.(Māma jiào wǒ xǐ dìbǎn.)

Ayat ini bermakna ‘emak menyuruh saya mencuci lantai’. Kosa kata ‘叫’ di sini bermaksud ‘menyuruh atau mengarahkan’.

B) Kosa-kata 开(kāi). Maksud kosa-kata ‘开’ akan berubah jika ianya digunakan dalam

konteks ayat yang berbeza seperti di bawah:-

i) Ismail, 快帮妈妈开门!

(Ismail, kuài bāng māma kāimén!). Ayat ini bermaksud ‘Ismail, cepat tolong emak buka pintu!’. Kosa kata ‘开’ di sini bermaksud ‘buka’.

ii) 李先生刚开了一家电器店.

(Lǐ xiānshēng gāng kāile yī jiā diànqì diàn) Ayat ini bermakna ‘Encik Lee baru sahaja menubuhkan sebuah kedai peralatan elektrik’. Kosa kata ‘开’ di sini bermaksud ‘menubuhkan’.

iii) 我明天要开车去吉隆坡见客户

(Wǒ míngtiān yào kāichē qù Jílóngpō jiàn kèhù). Ayat ini membawa maksud ‘saya hendak memandu kereta pergi ke Kuala Lumpur untuk berjumpa dengan pelanggan’. Kosa kata ‘开’ di sini bermaksud ‘memandu’.

vi) 中医师正在开药方

(Zhōngyī shī zhèngzài kāi yào fāng). Ayat ini bermakna ‘tabib cina sedang menulis preskripsi perubatan’. Kosa kata ‘开’ di sini bermaksud ‘menulis atau menyenaraikan’.

C) Kosa-kata 花(huā) Kosa-kata ini mempunyai 3 maksud yang berbeza jika

ianya digunakan dalam konteks ayat yang berlainan seperti ditunjukkan dalam ayat-ayat berikut:-

i) Hilmi买花送给女朋友

(Hilmi mǎi huā sòng gěi nǚ péngyǒu). Ayat ini bermaksud ‘Hilmi membeli bunga untuk dihadiahkan kepada teman wanita’. Kosa kata ‘花’ di sini bermaksud ‘bunga’.

ii) 你花了多少钱买这件衣服?

(Nǐ huāle duōshǎo qián mǎi zhè jiàn yīfú?). Ayat ini bermaksud ‘berapakah wang yang dibelanjakan oleh kamu untuk membeli baju ini? Kosa kata ‘花’ di sini bermaksud ‘membelanjakan’.

iii) 老板给爸爸两个月花红

(Lǎobǎn gěi bàba liáng gè yuè de huāhóng). Ayat ini bermakna ‘taukeh memberi ayah bonus sebanyak dua bulan’. Kosa kata ‘花红’ di sini bermaksud ‘bonus’.

Daripada contoh-contoh ayat di atas, jelas dilihat bahawa kosa-kata yang sama boleh menghasilkan maksud yang berbeza jika ianya digunakan dalam konteks ayat yang berlainan. Justeru itu, kita perlu berhati-hati apabila menggunakan kosa-kata iaitu 叫 (jiào), 开(kāi) dan 花(huā). agar tidak menimbulkan masalah dalam komunikasi harian.

1. Li Xingjian, Xu Jialu (2018). *Xiandai Hanyu Guifan Cidian*现代汉语规范词典. Seri Kembangan: United Publishing House (M) Sdn. Bhd.

Rujukan:-